

Cecair vape dirampas



Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

JABATAN Kesihatan Negeri Sembilan merampas pelbagai jenis cecair rokok elektronik atau vape disyaki mengandungi nikotin dianggarkan bernilai RM43,900 dalam operasi bersepadu minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, operasi itu dijalankan di tiga premis di sekitar Seremban.

“Cecair vape yang dirampas itu didapati melanggar Seksyen 13 (a) Akta Racun 1952 kerana kesalahan menjual racun tanpa lesen,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut Veerapan berkata, dari Januari sehingga 31 Julai lalu, 1,955 paket rokok dan 77 batang rokok yang sudah dibuka pakatnya untuk jualan bernilai RM10,063 dirampas mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Sementara itu katanya, Jabatan Kesihatan negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemeriksaan di setiap daerah bagi mengesan gula-gula Ghost Smoke.

Katanya, hasil pemeriksaan itu tidak menemui sebarang penjualan produk itu di mana-mana premis di negeri itu.

“Bagaimanapun operasi penguatkuasaan akan terus dijalankan bagi memastikan tiada pihak melanggar PPKHT 2004,” katanya.

Veerapan berkata, bermula Januari sehingga Julai lalu pihaknya sudah menjalankan 243 operasi penguatkuasaan di seluruh negeri dan mengeluarkan 1,876 notis pelbagai kesalahan mengikut Seksyen 32B Akta Makanan 1983.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 28 Ogos 2019 @ 5:54 PM